

**Penduduk bimbang hakisan tanah**

**JELI** - Lebih 200 penduduk Kampung Rahmat dekat sini diselubungi kebimbangan berikutan kejadian hakisan dan tanah runtuh yang semakin teruk di sepanjang jalan utama ke kampung tersebut.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati kawasan hakisan sepanjang 10 meter dan pada tahap kedalaman lima meter berhampiran jambatan kampung tersebut boleh mengancam keselamatan penduduk yang setiap hari keluar ke bandar untuk menjual hasil tanaman selain membeli barang keperluan.

Seorang penduduk, Jusoh Che Harun, 62, berkata, jika masalah hakisan itu tidak diperbaiki segera, ia dikhawatiri boleh menyebabkan jambatan tersebut runtuh.

“Keadaan hakisan di situ memang sudah terlalu teruk dan perlu diperbaiki dengan segera.

“Kami semua bimbang kalau di biarkan akan mengakibatkan jalan ini tertimbus dan merumitkan aktiviti harian penduduk,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Wan Zainuddin Wan Setapa, 54, berkata, dia yang tinggal di situ sejak 20 tahun lalu juga bimbang dengan keselamatan ke-



**PENDUDUK** melihat keadaan tanah runtuh dan hakisan di Kampung Rahmat, Jeli yang mengancam keselamatan orang ramai. Gambar kecil Wan Zainuddin.

luarganya kerana kawasan runtuhan tersebut berhampiran kedainya.

Katanya, musim hujan sejak kebelakangan ini menyebabkan dia sentiasa diselubungi kebimbangan kerana hakisan serta tanah runtuh yang berlaku menjadi semakin melebar dan dalam.

“Kedai saya terletak tidak sampai 10 meter dari kawasan hakisan tersebut, rasanya tidak mustahil ia akan

terus membesar,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jabatan Kemajuan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Hassan Isa berkata, masalah hakisan itu telah dimaklumkan pada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sejak dua bulan lalu, namun apa yang membimbangkan ialah setakat ini belum ada sebarang tindakan susulan diambil.